



Buletin **PERTAM**

Edisi Kedua

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka



perbadanan kemajuan tanah adat melaka



pertam_melaka



<https://pertam.gov.my>



pertam@pertam.gov.my



(+60) 6-2347041



>> Muka 3

**Mesyuarat Ahli Lembaga
Pengarah PERTAM**



>> Muka 14

**Perarakan Maulidur Rasul
Tahun 2024**



>> Muka 25

**Penyerahan Siap Kerja
Pusat Hemodialisis Bukit Katil**



>> Muka 17

**Bengkel Pelan Perniagaan
PERTAM dan Anak-Anak
Syarikat**



>> Muka 18

**Penutupan Pengauditan
Penyata Kewangan
PERTAM Tahun 2023**



>> Muka 23

Hari Belia Negara 2024



>> Muka 15

**Cadangan Pembangunan
Bersama Angkasabina**



>> Muka Belakang

**PERTAM Jabatan Angkat
Kontinjen Lawan Pedang
SUKMA Sarawak 2024**



MAPAN 2024


Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Awam Negeri Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka (MAPAN) 2024 pada 12 September lalu di Hatten Hotel.

Dari kiri Puan Siti Nur Ain Binti Muhammad, Puan Azlina Binti Md. Jani, Encik Yushasrin Bin Abu Kasim, Puan Siti Hawa Binti Mansur dan Puan Hj. Fauziah Binti Ahmad

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

Lot No. 40-48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil, 75450, Melaka

No. Telefon: (+60) 6-234 7041 / 7042 / 7043 | No Fax: (+60) 6-234 7030



Rata Alu-Aluan

YB Datuk Zulkiflee Bin Datuk Seri Mohd Zin

Timbalan Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka atau dikenali sebagai PERTAM telah ditubuhkan pada 14 Mei 1991 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991. Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka yang telah memberi fungsi dan kuasa-kuasa tertentu kepada PERTAM untuk membangun atau mengusahakan sebarang kemajuan bagi Tanah Adat di Negeri Melaka. Walaubagaimanapun PERTAM yang mula beroperasi pada 16 Februari 1992 setelah menerima geran pelancaran daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM2 juta dan pelantikan seorang Pengurus Besarnya yang pertama.

Sehingga kini, PERTAM telah menjalankan pelbagai projek pembangunan yang melibatkan Tanah Adat Melaka dan lain-lain jenis termasuk tanah astet melalui proses pengambilan balik tanah. Peranan utama dan tujuan penubuhan PERTAM adalah untuk membangunkan sektor hartanah samada secara maju sendiri, usahasama atau penswastan dan PERTAM telah berjaya membangunkan projek yang bertaraf pempandaran (Township) di atas tanah seluas 503 ekar di Bandar Jasin Bestari, Mukim Ayer Panas, Daerah Jasin, Melaka.

PERTAM juga membina projek di kawasan bandar bagi penempatan melayu seperti projek Taman Seri Cempaka di Peringgit, projek Pangsapuri Taman PERTAM Jaya di Semabok dan Pangsapuri Bandar Jasin Bestari di Jasin selaras dengan matlamat menjadikan PERTAM sebagai sebuah agensi yang terunggul pada suatu masa kelak.



Selain dalam bidang pembangunan hartanah, PERTAM telah melebarkan sayap perniagaan dalam bidang pertanian dan kesihatan dan melalui anak syarikatnya iaitu PERTAM Services Sdn. Bhd. telah memperkenalkan sektor pertanian sebagai satu bidang utama dan memulakan projek pertama PERTAM iaitu projek tanaman dan pemprosesan tumbuhan hijau sumber makanan haiwan ternakan seperti jagung manis dan rumput napier serta perternakan lembu dan tanaman Nanas ND2. Dalam bidang kesihatan pula PERTAM telah membuka 2 Pusat Hemodialisis iaitu di Bandar Jasin Bestari, Mukim Ayer Panas, Daerah Jasin, Melaka dan di Bukit Katil, Melaka.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak, khasnya kepada pihak yang telah banyak memberi bimbingan dan khidmat nasihat dalam membantu PERTAM bagi menerbitkan BULETIN PERTAM Edisi kedua ini. Semoga usaha murni ini akan diberkati ALLAH S.W.T.

Sekian, terima kasih.



Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PERTAM

Menghadiri Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PERTAM yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusoh di Bilik Tun Mutahir, Seri Negeri 3 September lalu.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azhar Bin Arshad dan Timbalan Pengerusi PERTAM, Datuk Zulkiflee Bin Mohd Zin.

Mesyuarat ini selain dapat membentangkan segala hasil dapatan dan gerak kerja, ia juga boleh disifatkan sebagai "Wake Up Call" kepada semua jabatan dan agensi untuk menambah baik mutu syarikat.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023

Majlis Penyampaian sijil dan cek Penghargaan (Dalamannya) kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 pada 5 September lalu.

Semoga anugerah ini akan menjadi pemangkin buat mereka dan semua kakitangan yang lain untuk meningkatkan prestasi diri demi memajukan lagi syarikat.



Sidang Redaksi

Buletin Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali

Ketua Pengarang

Encik Abd Aziz bin Haji Ali

Penolong Ketua Pengarang

YBhg. Datuk Haji Karim bin Yaakob

Editor

Encik Ahmad Surji bin Mohd Zain

Sidang Pengarang

Puan Siti Nur Ain binti Muhammad
Encik Norhisham bin Mohd Nasir
Puan Nor Hazirah Binti Abu Bakar
Encik Haipul Nizam bin Kasim
Encik Muhamad Shaheer bin Daud
Encik Kaharuddin bin Ismail

Koordinator

Encik Ishak bin Dalib
Encik Hairul Hafis bin Ahmad



PERTAM

**Ahli Lembaga Pengarah
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
PERTAM**

**YAB DATUK SERI UTAMA
AB RAUF BIN YUSOH**
Pengerusi PERTAM
YAB Ketua Menteri Melaka



**YB DATUK ZULKIFLEE BIN
DATUK SERI MOHD ZIN**
Timbalan Pengerusi



**YB DATO' AZHAR
BIN HAJI ARSHAD**
YB Setiausaha Kerajaan Negeri



**YB TUAN KHAIRUL
AZREEM BIN MAMAT**
YB Penasihat Undang-Undang



**YBHG. DATUK WIRA SALHAH
BINTI SALEH**
YB Pegawai Kewangan Negeri



**YBHG. DATUK NORAINI
BINTI TAWEL**
Pengarah PTG Melaka



**ENCIK ASRUL KHAN
BIN SHER JANG KHAN**



ENCIK MOHD NAZRI BIN AZIZ



**ENCIK SHAHRUL HILMI
BIN OTHMAN**



**ENCIK MOHD SHAIFUL
BIN MOHD ALI**



**PUAN HAMIDAH
BINTI ABU BAKAR**



PERTAM

**Ketua Pegawai Eksekutif dan Pegawai Kanan
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
PERTAM**

**YBHG. DATUK MOHD RIDHWAN
BIN MOHD ALI**
Ketua Pegawai Eksekutif



ABD AZIZ BIN HAJI ALI
Pengurus Pentadbiran
& Sumber Manusia



IZZATUL AKMAL BINTI IBRAHIM
Akauntan



HAJJAH FAUZIAH BINTI AHMAD
Pengurus Pemasaran



YUSHASRIN BIN ABU KASIM
Jurutera



SITI NUR AIN BINTI MUHAMMAD
Pegawai
Perancang Pembangunan



Latarbelakang

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) telah ditubuhkan pada 14 Mei 1991 melalui Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991 setelah diluluskan oleh Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka yang memberi fungsi dan kuasa-kuasa tertentu kepada PERTAM untuk membangunkan dan mengusahakan sebarang kemajuan di atas Tanah Adat Melaka (MCL).

PERTAM mula beroperasi pada 16 Februari 1992 dengan fokus di dalam bidang pembinaan perumahan mampu milik. Di dalam merealisasikan objektif PERTAM, pembangunan dan kemajuan yang dirancang dilaksanakan melalui pelbagai bentuk usahasama samada secara maju sendiri, secara usahasama dengan pemilik tanah MCL atau secara penswastan dengan syarikat pemaju.

Visi

Untuk Menjadi Agensi Peneraju Dalam Pembangunan Hartanah Di Negeri Melaka Terutama Tanah Adat Melaka.

Misi

Mengenalpasti Dan Merancang Pelbagai Projek Pembangunan Sama Ada Secara Maju Sendiri, Usahasama Atau Penswastan Yang Melibatkan Tanah Adat Melaka Dan Lain-lain Jenis Tanah Untuk Dimanfaatkan Kepada Orang Melayu Dan Pembangunan Hartanah Negeri Melaka Secara Keseluruhan.

Motto

Kejayaan Bersama Kami

Fungsi dan Peranan

1

Membangunkan atau mengusahakan tanah adat melaka dan lain-lain jenis tanah yang berpotensi dalam sektor perumahan, perniagaan, pertanian dan perusahaan serta lain-lain aktiviti yang berdaya maju.

2

Mengenalpasti dan merancang pelbagai projek pembangunan yang melibatkan Tanah Adat Melaka dan lain-lain jenis tanah di dalam sektor utama untuk dimanfaatkan kepada orang Melayu dan pembangunan negeri Melaka secara keseluruhannya.

3

Membangun dan memajukan Tanah Adat Melaka dan lain-lain jenis tanah yang telah dikenalpasti berpotensi dan mempunyai nilai komersial.

4

Memberikan sokongan dan bantuan di dalam bentuk khidmat nasihat dan usahasama dengan tuan tanah yang memiliki Tanah Adat Melaka bagi membolehkan mereka menikmati pulangan pembangunan ke atas tanah tersebut.


5

Melaksanakan usahasama dengan pihak memajukan tanah-tanah yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan.

6

Menjadikan PERTAM sebagai sebuah agensi kerajaan yang berdaya saing melalui kekukuhan, kemantapan dan kestabilan kedudukan kewangan.

Piagam Pelanggan



Tempoh menunggu oleh pelanggan yang berurusan dengan PERTAM bagi mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan



Memproses dan membuat keputusan untuk tawaran sebutharga atau tender dari tarikh tawaran berkenaan ditutup



Memberi maklumbalas kepada tuan tanah mengenai keputusan sesuatu cadangan usahasama



Memaklumkan keputusan pelantikan sebagai Panel Juruperunding PERTAM dari tarikh kelulusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PERTAM



Setiap permohonan pembelian unit kediaman dan komersil dimaklumkan keputusan dari tarikh permohonan diterima



Menyempurnakan bayaran dari tarikh pengesahan bil dan sijil



Menjawab surat menyurat dari tarikh penerimaan



Menjawab panggilan telefon dengan layanan mesra




PERTAM

Projek Pembangunan dan Hartanah PERTAM

Pembangunan Bandar Jasin Bestari

1. Pusat Hemodialisis
2. Taman Bandar Jasin Bestari Seksyen 5
3. MYDIN
4. Pangsapuri Mampu Milik
5. Tanah Lot Banglo
6. Taman Bandar Jasin Bestari Seksyen 3
7. Taman Bandar Jasin Bestari Seksyen 4
8. BJB Height
9. Plaza Bestari
10. Taman Bandar Jasin Bestari Seksyen 2



Taman Seri Pertam



Pangsapuri Mampu Milik
Bandar Jasin Bestari



Taman Pandan Jaya
Seksyen 2



Taman Lesung
Batu Emas



MYDIN Bandar Jasin Bestari



Lot Banglo
Bandar Jasin Bestari



Taman Seri Cempaka
Peringgit



Taman PERTAM Jaya
Semabok



Pangsapuri
Taman PERTAM Jaya



Taman Bandar Jasin Bestari
Seksyen 3



Taman Bandar Jasin Bestari
Seksyen 5



Plaza Bestari



PROJEK PEMBANGUNAN

Plaza Bestari

Projek ini dimulakan pada tahun 2014 dan kerja-kerja pembinaan untuk fasa 2 ini selesai dilaksanakan pada tahun 2018. Mengandungi 10 blok kedai/pejabat yang dibina di atas tanah seluas 9.45 ekar di atas lot PT 8748, Mukim Ayer Panas, Bemban, Daerah Jasin, Melaka.

Plaza Bestari mengandungi 114 unit Kedai Pejabat Serata, 2 unit, Kedai/Pejabat 3 Tingkat dan Kedai/Pejabat 2 Tingkat sebanyak 26 unit.



Taman Intekma

Taman Intekma ini adalah merupakan taman pertama yang telah siap dibina pada tahun 2007 di atas sebahagian tanah seluas lebih kurang 2 ekar di Mukim Lendu, Daerah Alor Gajah, Melaka. Ia berdekatan dengan pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Lendu.

Beberapa unit telahpun dibaikpulih untuk dijual dengan harga dari RM260,000.00. Jenis kediaman yang dibina di Taman Intekma ini ialah jenis rumah teres 2 tingkat sebanyak 14 unit.





Taman Lesung Batu Emas

Projek ini dibina pada tahun 2016 di atas tanah seluas 62 ekar di Lesung Batu, Daerah Alor Gajah, Melaka. Lesung Batu telah di naiktaraf sebagai bandar satelit dan erdekatan dengan pusat bandar Alor Gajah yang sedang pesat membangun. Pemilik adalah terdiri dari berbilang bangsa iaitu Bumiputera dan bukan Bumiputera. Taman Lesung Batu Emas, pembinaannya adalah terdiri dari Lot Banglo sebanyak 269 unit, Rumah Teres Kos Rendah sebanyak 80 unit dan Lot Kedai/Pejabat sebanyak 70 unit.



Untuk Pertanyaan

Puan Hajah Fauziah (016-6437700)
Puan Hayati (017-6048165)
Puan Maslinda, Puan Marina & Encik Haipul
No. Tel : 06-2347041 / 7042 / 7043

Sektor Pertanian, Bidang Utama Menjana Pendapatan

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) melalui anak syarikat penuhnya PERTAM Services Sdn. Bhd. pada tahun 2021 telah memperkenalkan sektor pertanian sebagai satu bidang utama yang boleh dibangunkan untuk menjana pendapatan dan kemakmuran kepada Negeri Melaka. Teraju Agro Venture Sdn. Bhd. sebuah syarikat usahama PERTAM Services Sdn. Bhd. dan MNA Teraju Sdn. Bhd. yang telah diperbadankan pada 16 Jun 2022 untuk memulakan Projek Pertanian pertama PERTAM iaitu Projek Tanaman dan Pemprosesan Tumbuhan Hijau Sumber Makanan Haiwan Ternakan (Jagung Manis dan Napier).



Pokok Jagung dalam fasa pertumbuhan



Pertumbuhan buah jagung manis yang sedang membesar untuk dituai

Jagung Manis dan Napier

PERTAM Services Sdn. Bhd.

Sehingga bulan Mei 2024, projek tanaman jagung manis seluas 48 ekar yang diusahakan di Kampus Induk UTeM, Mukim Durian Tunggal telah dituai sebanyak 4 musim tanaman. Jagung manis yang ditanam mengambil masa 65-70 hari untuk menghasilkan buah yang matang dan boleh mula dituai untuk dipasarkan. Buah jagung dipasarkan dalam bentuk buah jagung manis segar ataupun diproses menjadi jagung lerai yang disejuk-bekukan untuk kegunaan yang lebih meluas seperti sebagai makanan salad ataupun jagung cawan (corn cup). Sebanyak 300,000-400,000 tongkol jagung manis pelbagai gred dapat dihasilkan untuk satu musim tanaman.



Jajaran Batas Tanaman Jagung Manis Di Kampus Induk UTeM Mukim Durian Tunggal

Selepas tuaian selesai, pokok jagung akan dipotong dan diproses untuk dijadikan silaj sebagai makanan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing. Sebanyak 100,000-150,000 kg silaj pokok jagung dapat dihasilkan untuk setiap musim tanaman jagung manis. Silaj pokok jagung yang dihasilkan bermutu tinggi dan menjadi pilihan utama kepada penternak-penternak lembu dan kambing di Negeri Melaka dan sekitarnya.

Musim kelima tanaman jagung manis akan mula ditanam dalam bulan Jun 2024 dan dijangkakan dapat dituai dan dipasarkan pada bulan Ogos dan September 2024. Melalui penggunaan benih jagung manis dari varieti yang unggul dan kaedah penjagaan tanaman yang sistematik, buah jagung manis yang dihasilkan akan lebih banyak dan berkualiti tinggi. Silaj pokok jagung yang dihasilkan juga akan lebih banyak dan berkualiti kerana diproses menggunakan pokok jagung manis yang sihat dan besar.

Selain itu, tanaman napier seluas 42 ekar yang diusahakan di Mukim Kuala Linggi dan Mukim Sungei Baru Ilir, Daerah Alor Gajah telah menghasilkan pokok napier yang matang. Pokok napier telah mula dipotong dan diproses menjadi silaj makanan haiwan ternakan untuk lembu dan kambing pada bulan Ogos 2023. Rumput napier akan dipotong setiap 45-60 hari sebelum diproses menjadi silaj. Silaj dihasilkan dengan campuran molasses dan EM di campuran ini disukat dengan baik dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Bermula daripada bulan Ogos 2024, syarikat akan menghasilkan dan memasarkan sekurang-kurangnya 10,000 kg silaj napier per hari. Penggunaan varieti napier Pak Chong yang ditanam, kaedah



Pokok Napier Dalam Fasa Pertumbuhan di Plot 4



Jajaran Penanaman Tanaman Napier



Kerja kerja proses penanaman jagung manis dan silaj jagung yang sedang dilakukan oleh pekerja ladang.



Selepas tuaian selesai, pokok jagung akan dipotong dan diproses untuk dijadikan silaj sebagai makanan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing.



Kerja-kerja memesis rumput, memotong secara manual serta menggunakan mesin harvester

penjagaan tanaman yang baik dan kaedah pemprosesan yang teliti, silaj napier yang dihasilkan mempunyai kualiti yang tinggi dan tahan lama. Maklumbalas yang diterima daripada pelanggan amat memuaskan dan permintaan terhadap silaj napier terus bertambah setiap hari.

Projek tanaman jagung manis dan napier yang diusahakan ini dapat membekalkan makanan haiwan ternakan dalam bentuk silaj yang berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan kepada penternak penternak lembu dan kambing di Negeri Melaka dan sekitarnya. Penggunaan silaj pokok jagung dan silaj napier dapat membantu



Kerja-kerja rumput dicopper , membungkus serta memasukkan campuran molasses, gula merah dan juga em ke dalam beg plastik yang sudah di isi napier. Setelah itu silaj yang telah dibungkus siap untuk dijual.



Sulur Nanas Daripada Lembaga Perindustrian Nanas telah disalurkan Di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka.



Nenas MD2



mengurangkan kos pengeluaran daging yang tinggi pada masa ini. PERTAM Services Sdn. Bhd. dan Teraju Agro Venture Sdn. Bhd. juga telah memulakan usaha tanaman nanas MD2 seluas 10 ekar di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Selandar dan 4 ekar di Kampus Induk UTeM, Mukim Durian Tunggal. Melalui bantuan benih sulur nanas MD2 dan khidmat nasihat teknikal daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), projek tanaman nanas MD2 telah mula diusahakan pada bulan Februari 2024.

Tanaman nanas MD2 yang mengambil masa hampir 14 bulan untuk menghasilkan buah nanas yang matang, penuaian nanas MD2 dijangkakan akan dibuat pada pertengahan tahun 2025.

Sebanyak 200,000–250,000 kg buah nanas segar dijangkakan dapat dituai daripada projek ini. Selain daripada buah nanas MD2 yang matang, sulur-sulur nanas daripada pokok yang telah dituai dapat dipasarkan sebagai benih sulur nanas yang baru. Melalui teknologi sedia ada, daun dan batang nanas juga berpotensi diproses menjadi silaj makanan untuk ternakan lembu dan kambing.

Penghasilan silaj daripada tanaman jagung manis, napier dan nanas MD2 yang diusahakan dijangka dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan bekalan makanan ternakan ruminan dan mengurangkan kos pengimportan bahan makanan seperti jagung bijiran dan kacang soya yang amat tinggi pada masa kini. Kelangsungan dan kelestarian projek ini dapat membantu menjamin keselamatan makanan negara pada masa kini dan masa hadapan.

Bergerak ke hadapan, Teraju Agro Venture Sdn. Bhd. akan memulakan Projek Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot pada awal tahun 2025 untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan terutama bagi Negeri Melaka. Projek baru ini akan menggunakan silaj yang dihasilkan daripada projek-projek tanaman yang telah dijalankan sebagai makanan kepada lembu-lembu yang ditenak. Secara tidak langsung, ia akan mengurangkan kos makanan kepada ternakan tersebut.

PROJEK KESIHATAN

Pusat Hemodialisis Bandar Jasin Bestari

Pusat ini adalah di bawah Falah Helthcare And Wellness Sdn. Bhd. Pusat Hemodialisis Bandar Jasin Bestari yang pertama akan dibuka di Bandar Jasin Bestari, Mukim Ayer Panas, Jasin, Melaka. Pusat Hemodialisis ini dijangka mula beroperasi pada penghujung bulan Februari 2024. Dengan adanya pusat dialisis ini akan memudahkan penduduk sekitar khususnya dan penduduk Negeri Melaka amnya untuk mendapatkan rawatan buah pinggang dengan kadar harga yang rendah dan berpatutan.



Pusat Hemodialisis Bukit Katil

Pusat Dialisis ini adalah di bawah Falah Helthcare And Wellness Sdn. Bhd. Pusat Hemodialisis Bukit Katil, Melaka adalah yang kedua selepas yang pertama di Bandar Jasin Bestari. Pusat Hemodialisis ini dijangka akan mula beroperasi pada bulan November 2024. Dengan adanya pusat dialisis ini akan memudahkan penduduk sekitar Bukit Katil khususnya dan penduduk negeri Melaka amnya untuk mendapatkan rawatan buah pinggang dengan kadar harga yang lebih rendah dan berpatutan.



SENARAI PROJEK DALAM PEMBANGUNAN

Cadangan Pembangunan Perumahan Gadek

Cadangan pembangunan kawasan taman perumahan baru yang bakal dilaksanakan oleh PERTAM. Dengan keluasan tanah 1.87 ekar yang bakal dibangunkan 14 unit rumah teres berkeluasan 20'x70' dan 22'x70' dan 2 biji rumah berkembar. Kedudukan kawasan yang strategik iaitu berhadapan dengan jalan utama iaitu Jalan Jelatang dan berdekatan dengan perumahan sediaada iaitu Taman Dalong Sentosa.



Pangsapuri PERTAM

Projek pembangunan pangsapuri ini adalah projek usahasama antara PERTAM dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Projek ini merupakan projek usahasama yang pertama dengan agensi kerajaan negeri dibina di kawasan yang strategik berhampiran dengan pusat bandar.



Usahasama PERTAM
dengan MBMB

**Cadangan 216 Unit @
Pangsapuri 18 Tingkat
Di Atas Lot 79, Kawasan
Bandar V, Daerah
Melaka Tengah**





Perarakan Maulidur Rasul Tahun 2024

Seramai 25 warga PERTAM telah menyertai perarakan Maulidur Rasul tahun 2024 bertempat di Stadium Tun Fatimah. Kontinjen PERTAM diketuai oleh En. Abd. Aziz bin Haji Ali, YBhg. Datuk Mohd Ridhwan Bin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM turut menyertai perarakan tersebut.





Mesyuarat Pembangunan PERTAM

YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali mempengerusikan Mesyuarat Pembangunan PERTAM. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Pengurus Pembangunan, Perancangan & Teknikal Tuan Hj. Mohd Darus bin Haji Salam.

Cadangan Pembangunan Bersama Angkasabina

Hari ini telah diadakan satu mesyuarat bagi Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan PERTAM Tahun 2023. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Audit Negeri Melaka, Encik Khairul Azrin bin Mod Rifat, Timbalan Pengarah Audit Negeri Melaka, Puan Siti Fatimah binti Mansor, Penolong Pengarah Audit Negeri Melaka, Encik Ismail bin Ibrahim, Penolong Juruaudit Negeri Melaka, Puan Yusniza binti Yusof, Jruruaudit Swasta, Pegawai Kanan dan kakitangan PERTAM dari unit kewangan yang terlibat.

Perbincangan Sewa Tapak PERTAM dan MCorp

Perbincangan bersama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Melaka atau MCORP, Datuk Mohd Yusof Bin Abu Bakar mengenai sewaan tapak di Kuala Linggi 25 September lalu. Tapak di Kuala Linggi itu mempunyai potensi untuk dimajukan. Moga segala urusan dipermudah.



Majlis Amanat dan Perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

YBhg. Datuk Mohd Ridhwan Bin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM menghadiri Majlis Amanat dan perjumpaan dengan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka bersama dengan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan bertempat di Auditorium Seri Negeri.



Bengkel Pelan Perniagaan PERTAM dan Anak-Anak Syarikat

Bengkel Pelan Perniagaan dan Anak Syarikat PERTAM yang diadakan A' Famosa Melaka, Resort 11 Jun lalu.





Mesyuarat Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan PERTAM Tahun 2023

Pada 25 September 2024, Mesyuarat Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan PERTAM Tahun 2023. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM.

Mesyuarat tersebut juga turut dihadiri oleh Pengarah Audit Negeri Melaka, Encik Khairul Azrin bin Mod Rifat, Timbalan Pengarah Audit Negeri Melaka, Puan Siti Fatimah binti Mansor, Penolong Pengarah Audit Negeri Melaka, Encik Ismail bin Ibrahim, Penolong Juruaudit Negeri Melaka, Puan Yusniza binti Yusof, Juruaudit Swasta, Pegawai Kanan PERTAM dari Unit Kewangan, Unit Pentadbiran & Sumber Manusia, Unit Kejuruteraan & Teknikal dan Unit Perancangan Pembangunan PERTAM.





Permohonan pelantikan PERTAM sebagai Nazir Khas (MUTAWALLI) Dana Wakaf Pembangunan PERTAM

PERTAM yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali selaku Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM telah mengadakan perjumpaan dengan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi membincangkan mengenai permohonan pelantikan PERTAM sebagai Nazir Khas (MUTAWALLI) Dana Wakaf Pembangunan PERTAM. Majlis tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha MAIM iaitu Tuan Shaifulfazlee bin Mohamad.

Perbincangan tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat JAIM, Aras 3, Pusat Islam Melaka. Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM turut diringi oleh pegawai-pegawai kanan PERTAM seperti En. Abd. Aziz bin Haji Ali, Pengurus Pentadbiran & Sumber Manusia, Puan Nur Ain binti Muhammad, Pegawai Perancang Bandar dan Puan Izzatul Ikmal binti Ibrahim, Akauntan PERTAM.



Meraikan persaraan En. Rashid bin Abd. Rahman. Beliau yang telah berkhidmat dari tahun 1994 sehingga 2024 (30 tahun) di Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM). Warga PERTAM mengucapkan selamat maju jaya dan sihat-sihat selalu. Terima kasih di atas perkhidmatan selama 30 tahun di PERTAM.



Mesyuarat pembangunan Hartanah Projek Bil 02-2024, 12 Disember 2024



Nyanyian Lagu Negaraku

Seperti biasa setiap pagi Isnin pegawai dan kakitangan PERTAM serta anak syarikat PERTAM akan menyanyikan lagu Negaraku, Melaka Maju Jaya dan Lafaz Ikrar. Lafaz Ikrar pagi ini dilafazkan oleh Puan Nur Ain Binti Muhammad, Pegawai Perancang Bandar PERTAM. Majlis pagi ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM, YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali.

Retreat Pembangunan Intellektual Dan Kepimpinan Ketua Agensi dan Anak Syarikat Serta Bengkel Pemantapan Kutipan dan Cadangan Hasil Baharu Melaka 2024

Selama empat hari “berkampung” di Genting Highlands Retreat Pembangunan Intellektual dan Kepimpinan bagi Ketua Agensi dan Anak Syarikat serta Bengkel Pemantapan Kutipan dan Cadangan Hasil Baharu Negeri Melaka Tahun 2024.

Pembentangan halatuju agensi, Pengurusan Kewangan dan Strategi Pemasaran di perhalusi, diberi teguran dan ditambah nilai oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusoh dan 3 orang panel jemputan, Dato' Haji Azmar Bin Talib, Ketua Pegawai Eksekutif TRX City Sdn Bhd; Datuk Zainal Bin Abu, Penasihat Khas YAB Ketua Menteri Melaka; dan Ahmad Izwan Bin Adnan, Advisory Partner/ Executive Director Salihin Consulting Group Sdn Bhd.





PERTAM dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan PERTAM (KSK PERTAM) telah menyertai Program 'Jom Rewang Kacau Bubur' Sempena Bulan Pelancongan Islam dan Program Ihya Ramadan 1145H Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024. Program ini diadakan pada 26 Mac 2024 bertempat di Pavilion, Dataran Pahlawan Bandar Hilir Melaka.



Ziarah Keluarga Arwah Mantan SUK Melaka

Menziarahi keluarga Allahyarham Datuk Zaidi Bin Johari, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka di kediaman keluarga Allahyarham di Bukit Peringgit.



KSK PERTAM telah mengadakan majlis bacaan Yassin dan Doa Selamat untuk Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Majlis yang diadakan pada 4 Oktober 2024 yang lalu juga akan mempererat lagi silaturahmi antara pegawai, kakitangan PERTAM dan anak syarikat PERTAM.



KSKPERTAM mengadakan majlis bacaan Yassin dan doa selamat. Semoga Allah SWT memberkati dan merahmati majlis tersebut. Sarapan pagi juga disediakan dan ditaja oleh Encik Kaharudin bin Ismail dari PERTAM Properties SB dan kakitangan PERTAM Unit Pemasaran & Unit Pembangunan.



Majlis Berselawat Malam Cinta Rasul di Kediaman Ketua Menteri Melaka, 13 Oktober 2024



Lawatan oleh Unit Kejuruteraan yang diketuai oleh Pengurus Perancangan, Pembangunan & Teknikal PERTAM iaitu Tuan Hj. Mohd Darus bin Haji Salam, Juretera, Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Teknikal di tapak projek iaitu di Mukim Gadek, Daerah Alor Gajah pada 15 Mei 2024 yang lalu untuk kerja-kerja 'Pegging' sempadan. Lawatan tersebut turut dihadiri oleh pihak Jurukur yang telah dilantik.



Pada 22 November Unit Perancangan telah mengadakan lawatan tapak di Balai Panjang dan Tapak Cadangan Lot 2020, Bukit Katil bersama-sama dengan pihak Developer dari Noble Resort.



Pada 7 November Unit Perancangan telah menghadiri lawatan tapak bagi Penyemakkan 'As Built Drawing' bersama dengan pihak 'surveyor' dan JMB di Pangsapuri Bandar Jasin Bestari.

Tinjau Kawasan Banjir

Meninjau kawasan terjejas banjir kilat di Taman Bukit Beruang Bestari susulan hujan lebat berterusan kira-kira dua jam, lewat petang tadi. Difahamkan taman ini memang menjadi 'hotspot' banjir kilat. Justeru, tinjauan hari ini untuk memantau paras air dari semasa ke semasa seterusnya melakukan kerja-kerja pemulihan.



Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang, 12 Ogos 2024

Majlis Persaraan Kakitangan PERTAM

Majlis persaraan Tuan Haji Mohd Darus bin Haji Salam pada 6 September lalu. Beliau telah berkhidmat di PERTAM selama 32 tahun bermula tahun 1992 sehingga 2024.



Hari Belia Negara 2024

Ribuan belia Melaka turun di Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024, 18 Mei lalu.

Disinilah terserlah semangat dan kehebatan belia kita mengharungi pelbagai aktiviti sukan yang diadakan berkat sokongan daripada pelbagai pihak yang menerusi program-program anak muda seperti ini.



Perjumpaan dengan Timbalan Pengerusi PERTAM, YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin mengenai kertas Kerja BOD PERTAM, 9 Disember 2024 yang lalu.

Penerangan mengenai Paper Board kepada YAB Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, 9 Disember 2024 yang lalu.



Perbincangan bersama PDG 10 Oktober 2024 yang lalu

10 Oktober 2024, Sesi penerangan mengenai kod potongan



Pada 28 Februari 2024 yang lalu Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM, YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali bersama dengan pegawai-pegawai kanan PERTAM berada di Pusat Hemodialisis Bukit Katil bagi sesi penyerahan penyempurnaan siap kerja daripada kontraktor yang dilantik. Turut sama dalam sesi penyerahan tersebut ialah pegawai-pegawai dari Unit Kejuruteraan MCorp.



Lab Leadership at Courtyard pada 11 November 2024



Korban Aidiladha 2024

Bertempat di Seri Bendahara, majlis simbolik penyerahan lembu korban oleh YAB. Datuk Seri Utama Ab. Rauf Bin Yusof, Ketua Menteri Melaka. Majlis itu turut dihadiri oleh EXCO Negeri Melaka, Tetamu Kehormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM iaitu YBhg. Datuk Mohd Ridhwan Bin Mohd Ali. PERTAM turut menyumbang 4 ekor lembu untuk dikorbankan pada Hari Raya Aidiladha tahun ini.

Taklimat Zakat Dari Pusat Zakat Negeri Melaka

Taklimat dari Pusat Zakat Negeri Melaka telah diadakan pada 21 Ogos lalu. Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Sektor Zakat Individu, Puan Norazliza binti Samad.





Majlis Penghargaan Kepada Atlet dan Persatuan Lawan Pedang Negeri Melaka

Majlis Penghargaan kepada Atlet dan Persatuan Lawan Pedang Negeri Melaka telah diadakan pada hari ini 19 September 2024. Majlis ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengerusi PERTAM iaitu YB. Datuk Haji Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Pegawai-pegawai Kanan PERTAM dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan SUKMA XXI Sarawak 2024.

Dalam majlis tersebut PERTAM sebagai Jabatan Angkat bagi acara lawan pedang telah memberi sedikit sumbangan kepada Atlet-atlet yang telah memenangi pingat dan kepada Persatuan Lawan Pedang Negeri Melaka. Pasukan Lawan Pedang Negeri Melaka telah memenangi sebutir pingat emas, sebutir pingat perak dan tiga pingat gangsa.





Pertandingan Tenpin Bowling Terbuka KSK PERTAM 2024

KSK PERTAM telah menganjurkan pertandingan Tenpin Bowling Terbuka KSK PERTAM 2024 yang telah berlangsung di MIBC Ayer Keroh, Melaka, 23 Oktober 2024 yang lalu. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Penasihat Kehormat KSK PERTAM YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali yang telah berkenan untuk menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta yang bertanding pada malam tersebut.

YBhg. Datuk turut ditemani oleh Pegawai Khas beliau iaitu Datuk Haji Karim bin Yaacob. Sebanyak 20 pasukan yang telah menyertai pertandingan Tenpin Bowling Terbuka KSK PERTAM 2024 pada kali ini. Pasukan dari Bank Simpanan Nasional (BSN) telah berjaya menduduki tempat pertama.

KSK PERTAM mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan yang berjaya. Semoga kita berjumpa semula InshaAllah.



Pertandingan Karom Terbuka Melaka Tahun 2024

Pertandingan Karom terbuka Melaka yang disertai oleh ahli Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PERTAM.





PERTAM Jabatan Angkat Kontinjen Lawan Pedang Negeri Melaka Sempena SUKMA XXI Sarawak 2024

PERTAM telah dilantik sebagai Jabatan Angkat untuk kontinjen Lawan Pedang Negeri Melaka sempena SUKMA XXI Sarawak 2024. Datuk Hj. Zaidi bin Attan pulak dilantik sebagai bapa angkat untuk sukan ini. Pasukan Lawan Pedang Melaka telah berjaya mendapatkan 1 pingat emas, 1 perak dan 3 gangsa.

Pingat Emas Womens Epee Individu :
Farhatul Jannah Bt Abdul Rahman

Pingat Perak Mens Sabre Individu :
Lee Tony

Pingat Gangsa Mens Epee Individu :
Ethan Keng Yip Huu

Pingat Gangsa Mens Epee Berkumpulan :

- 1) Ethan Huu Keng Yip
- 2) Lee Lik Ken
- 3) Chua Zi Xuan
- 4) Toon Zhen Kai

Pingat Gangsa Mens Sabre Berkumpulan :

- 1) Lee Tony
- 2) Terry Lee Dong Wei
- 3) Kong Eason



Pingat Emas Womens Epee Individu :
Farhatul Jannah Bt Abdul Rahman



Pingat Perak Mens Sabre Individu :
Lee Tony

